

'Hanya pekebun guna laluan itu'

Adun sahkan laluan yang ditambah penduduk di Kampung Seri Aman Mas adalah tapak pembuangan sampah haram

KUALA LANGAT - Lokasi sebenar laluan yang ditambah oleh penduduk di Kampung Seri Aman Mas lebih kepada tapak pembuangan sampah haram secara besar-besaran.

Adun Telok Datok, Loh Cheng Heng berkata, beliau menyifatkan penduduk sebenarnya tidak melalui kawasan itu secara berkala tetapi digunakan oleh pekebun yang melalui kawasan itu untuk mengusahakan tanaman kontan di tebing Sungai Klang.

Menurutnya, beliau difahamkan penduduk hanya menggunakan jalan Kampung Lombong yang sudah diratakan dan dinaiktarafkan.

"Semalam saya dah pusing kawasan itu hampir 20 minit namun tak nampak sebuah kenderaan pun yang melalui kawasan itu.

"Lebih memeranjatkan kawasan yang dimaksudkan ini berada di hujung jalan Kampung Lombong dan penduduk boleh berulang alik ke Sujana Putra dan Puchong Taman Mas.

"Bagi saya ini bukan jalan kerana berada di tepi tebing sungai milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berukuran kurang 18 meter," katanya yang turut ke lokasi yang dimaksudkan semalam.

Chee Heng turut memaklumkan, mengikut undang-undang tidak mungkin pihak yang terlibat seperti Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Pejabat Daerah Kuala Langat malah peruntukan wakil rakyat boleh diluluskan untuk membuat tampalan di situ.

Katanya, beliau percaya lebih banyak lagi pengusaha



Kawasan yang dimaksudkan penduduk sebenarnya merupakan lokasi sampah haram.

lori yang membuang sampah haram di kawasan berkenaan jika pemantauan tidak dilakukan.

"Saya bimbang penduduk menyalahkan wakil rakyat kerana tidak memantau lokasi jalan berkenaan namun jika ia

dijadikan kawasan pembuangan sampah haram baik tidak payah dibaili.

"Bagaimanapun, kita akan terus meneliti status kawasan tersebut bagi melegakan hati penduduk dan menyelesaikan masalah dengan segera,"

katanya.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan mengenai tindakan penduduk yang terpaksa menambak sendiri jalan di Kampung Seri Aman Mas mendapat maklum balas daripada Chee Heng.

Chee Heng dalam kenyataannya berkata, beliau masih lagi membuat pemeriksaan lokasi sebenar laluan yang dimaksudkan kerana difahamkan ia terletak di sempadan Dun Seri Muda-Telok Datok.